

ANTARABANGSA

14 MAHASISWA UniMAP TIMBA ILMU DI ASIA SUMMER PROGRAM (ASP) 2017

GUANGZHOU, Peluang untuk menyertai Asia Summer Program (ASP) memberikan pengalaman yang amat berharga buat 14 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berlangsung di Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China baru-baru ini.

ASP adalah sebuah program mobiliti selama tiga minggu berkredit bagi pelajar —pelajar universiti yang menawarkan perspektif inovatif mengenai Asia. Sepanjang program tersebut, peserta berpeluang menjalani pengalaman persekitaran antarabangsa yang membolehkan mereka mempelajari secara langsung kepelbagaiannya budaya di Asia.

Selain daripada pelajar, ASP juga turut disertai tenaga pengajar terkemuka yang menawarkan kursus-kursus yang relevan di Asia. Untuk rekod, ASP menjadi ahli gabungan Asian University Presidents Forum (AUPF) pada tahun 2013, apabila AUPF tahunan ke- 12 telah diadakan di UniMAP.

Perwakilan dari 68 institusi di 17 buah negara, dan secara umumnya dipersejuaui bahawa pemimpin pendidikan tinggi di Asia harus berusaha untuk mempromosikan program yang bertujuan untuk membangunkan kompetensi berbilang bahasa, meningkatkan pemahaman kepelbagaiannya budaya, dan memupuk kebolehan kreatif.

